

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 25 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendaftaran pengundi baru yang telah didaftarkan dalam senarai pengundi dalam tempoh 2013 hingga 2016. Jelaskan kegagalan dan keengganan Kerajaan untuk melantik Penolong Pendaftar Wakil Parti yang jelas telah dan dapat membantu dalam pendaftaran pengundi baru.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan dari tahun 2013 hingga 2015 ialah seramai 617,254 orang. Walau bagaimanapun, maklumat jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan pada tahun 2016 tidak dapat dikemukakan memandangkan urusan pendaftaran pemilih bagi tahun tersebut masih lagi dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menghentikan pelantikan semula/baru Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik) bermula pada tahun 2013. Ini bagi membolehkan SPR mengkaji dan menyelaraskan secara menyeluruh kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan urusan pendaftaran pemilih berkaitan Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik). Sehubungan itu, pada bulan September 2015, SPR telah memutuskan bahawa tiada keperluan untuk meneruskan pelantikan baru Penolong Pendaftar Pemilih tersebut.

Oleh yang demikian, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.